

# Pelajar UKM curah bakti bantu Orang Asli di Pahang

SEKUMPULAN pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyumbang tenaga dan kemahiran bagi menjayakan program Bakti Siswa untuk membantu masyarakat Orang Asli di Kampung Bukit Serok, Bandar Tun Abdul Razak, Pahang baru-baru ini.

Dengan tema 'Kerjaya Adalah Pemangkin Masa Depan', penganjuran program itu diharap dapat meningkatkan kemahiran peribadi seperti komunikasi, pengurusan, kepimpinan dan kerjasama, di samping memupuk perpaduan dalam kalangan para peserta dan orang kampung.

Antara aktiviti yang diadakan adalah membantu masyarakat Orang Asli membina sebuah masjid daripada kanvas khemah dan menyediakan pam air untuk menyalurkan air bersih dari sungai-sungai terdekat ke rumah penduduk kampung.

Selain itu, peserta Bakti Siswa juga mengadakan aktiviti pembersihan bagi memastikan kebersihan rumah penduduk.

Salah seorang peserta, Yazmalina Yaacob, 21, berkata, Bakti Siswa merupakan pendedahan yang baik bagi pelajar dalam mengetahui dunia luar yang boleh mereka teroka selain kepentingan pendidikan.

"Pada dasarnya apabila saya pergi ke sana, saya merasa pelik melihat infrastruktur dan persekitarannya. Di kampus, kita hidup di tempat yang terletak di bandar yang mana semua kemudahan seperti hospital terletak berhampiran.

"Sementara masyarakat Orang Asli di Kampung Bukit Serok pula hanya mempunyai satu kemudahan klinik

kesihatan yang mungkin tidak memiliki peralatan kesihatan yang cukup," katanya yang juga merupakan setiausaha program.

Katanya, peserta program Bakti Siswa telah melakukan pelbagai aktiviti seperti senamrobik, sukan rakyat, ais pecah dan sembang santai yang berjaya menarik

perhatian penduduk.

Ujar Yazmalina lagi, secara keseluruhannya, mereka berasa seronok kerana dapat berkenalan dengan penduduk tempatan terutama kanak-kanak dan remaja serta mendapat kerjasama yang baik sepanjang mereka di sana. - **DHIYAZULHILMI DAUD/ EDLYN J LUM**



**PESERTA Bakti Siswa gembira kerana aktiviti yang diadakan berjaya menarik perhatian masyarakat Orang Asli serta mengeratkan hubungan di antara mereka di Kampung Bukit Serok, Bandar Tun Abdul Razak, Pahang.**